

## BAB TIGA

### METHODOLOGI PENYELIDIKAN

#### 3.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan methodologi penyelidikan iaitu subjek kajian, kaedah yang digunakan, pentadbiran soal selidik dan cara menganalisa data.

#### 3.2 Subjek Kajian

Subjek kajian ialah seramai 60 orang remaja yang dipilih dari salah sebuah kolej swasta di Subang Jaya. Mereka mengambil kursus perniagaan di kolej ini. Remaja ini terdiri daripada pelajar yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 21 tahun. Kesemua mereka dari kursus pra universiti dan datang dari keluarga berada.

Dari segi jantina, seramai 36 orang pelajar yang menjadi subjek merupakan pelajar lelaki dan 24 orang lagi merupakan pelajar perempuan.

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	36	60%
Perempuan	24	40%
Jumlah	60	100%

Jadual 1.1 : Bilangan dan Peratusan Sampel yang dipilih mengikut Jantina

### 3.3 Pengumpulan Data

Data untuk kajian ini dikumpulkan melalui dua cara, iaitu :

- i ) Soal Selidik untuk Pelajar ( Lampiran A )
- ii ) Borang Pencapaian Akademik Pelajar ( Lampiran B )

A ) Soal Selidik untuk Pelajar

Soal selidik untuk pelajar merupakan instrumen utama yang telah digunakan dalam penyelidikan ini untuk mengumpulkan data. Segala data akan dikumpul dengan menggunakan kaedah soal selidik yang dikendalikan secara individu. Menurut beberapa pengkaji kaedah soal selidik mempunyai banyak kelebihan dibandingkan dengan kaedah lain . Wiersma ( 1995) dalam bukunya yang berjudul ‘ Research methods in education: An introduction’ menjelaskan beberapa kelebihan soal selidik yang dikendalikan secara individu. Kelebihan –kelebihan adalah seperti berikut :

- a ) mengelakkan daripada berlakunya masalah responden yang dipilih enggan memberi respon.
- b ) penyelidik boleh mendapat maklumat tambahan jika diperlukan.
- c ) peluang menggunakan soalan terbuka ( open ended ) sebagai maklumat adalah lebih cerah.
- d ) penyelidik dapat mempastikan semua item dalam soal selidik dijawab.

Keseluruhannya, boleh dikatakan dengan kaedah ini penyelidik boleh mendapat maklumat yang tepat dan jujur daripada respondennya dengan menyoalnya secara individu.

**B ) Borang Pencapaian Akademik Pelajar**

Borang pencapaian akademik pelajar digunakan dalam penyelidikan ini untuk mengetahui pencapaian dan prestasi pelajar dalam peperiksaan akhir tahun.

**3.4 Instrumen**

Dua instrumen telah digunakan untuk mengumpul data-data untuk kajian ini.

**3.4.1 Soal Selidik Untuk Pelajar**

Soal selidik untuk pelajar ( lampiran A ) yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Setiap soalan yang disediakan dalam soal selidik untuk pelajar disusunkan dengan Skala enam seperti 0 1 2 3 4 5, di mana para sampel perlu membulatkan jawapan mereka. Setiap skala yang disediakan mewakili tahap pengalaman dialami oleh sampel.

- 0 Tidak tahu
- 1 Sangat tidak setuju
- 2 Tidak setuju
- 3 Tidak berapa setuju
- 4 Setuju
- 5 Sangat setuju

### I ) Bahagian A – Maklumat Diri Pelajar ( Item 1-6 )

Tujuan bahagian ini adalah untuk mengenalpasti sedikit sebanyak latar belakang pelajar dan penglibatan mereka dalam penyalahgunaan. Terdapat enam item iaitu lima item mengenai maklumat diri pelajar dan satu item mengenai pengetahuan pelajar tentang penyalahgunaan bahan.

### 11) Bahagian B – Faktor yang mendorong ( Item 7 – 43 )

Tujuan bahagian ini adalah untuk mengenalpasti faktor yang mana paling mendorong remaja terlibat diri dalam penyalahgunaan bahan. Faktor ini terbahagi kepada:

- i ) Faktor ibu bapa ( Item 7 – 17 )
- ii ) Faktor rakan sebaya ( Item 18 – 23 )
- iii ) Faktor peribadi ( Item 24 – 32 )
- iv ) Faktor persekitaran pembelajaran ( Item 33 – 43 )

### 111) Bahagian C - Kesan Tabiat ( Item 44 -50 )

Tujuan bahagian ini adalah untuk mengenalpasti apakah kesan yang sering dialami oleh seseorang remaja yang menyalahgunakan bahan.

#### IV ) Bahagian D- Bahagian Kekerapan Penyalahgunaan Bahan

Setiap sampel juga diminta mengisikan bahagian ini. Tujuan bahagian ini adalah untuk mengetahui betapa kerap pelajar terlibat dalam penyalahgunaan bahan ini. Segala data di bahagian ini di analisis dengan cara berikut:

- i ) Selalu terdiri daripada skor ( 3 )
- ii ) Jarang terdiri daripada skor ( 2 )
- iii ) Tidak pernah terdiri daripada ( 1 )

Kekerapan penyalahgunaan ini ditentukan mengikut skor ( 6-9 ); aktif dalam penyalahgunaan ini, skor ( 4-5 ); kurang aktif dan skor ( 1- 3 ); tidak aktif langsung.

#### **3.4.2 Borang Pencapaian Akademik Pelajar**

Tujuan bahagian ini adalah untuk mengetahui tahap pencapaian pelajar yang menyalahgunakan bahan. Borang Pencapaianak Akademik Pelajar ( Lampiran B) telah diedarkan kepada ke semua 60 sampel. Tujuan borang ini diedarkan adalah untuk mengetahui gred yang diperolehi setiap pelajar dalam peperiksaan akhir tahun. Subjek pula terdiri daripada Akaunting, Ekonomi,

Inggeris, Pengajian Malaysia dan Matematik. Di mana setiap subjek dianalisis mengikut gred dan skor seperti berikut:

- i ) HD : ( lulus dengan kepujian tinggi ), markahnya ( 80-100)=4 skor
- ii ) D : ( kepujian ), markahnya ( 70 –79 ) = 3 skor
- iii) C : ( kredit ), markahnya ( 60 – 69 ) = 2 skor
- iv) P : ( lulus ), markahnya ( 50 – 59 ) = 1 skor
- v) F : ( gagal ), markahnya ( 0 –49 ) = 0 skor

Tahap pencapaian pelajar pula ditentukan mengikut skor ( 15 –20 );

Pencapaian dikatakan baik , skor ( 10 –14 ); pencapaian yang memuaskan dan skor ( 0-9); pencapaian kurang memuaskan .

### 3.5 Pentadbiran Soal Selidik

Soal selidik diedarkan serentak kepada 60 orang pelajar dan kesemua mereka dikumpulkan dalam satu bilik pada waktu kuliah . Sebelum senarai ini diedarkan, pelajar telah diberi penerangan mengenai cara untuk menjawabnya . Mereka juga telah diperingkatkan supaya tidak berbincang antara satu sama lain tetapi sebaliknya jika mereka kurang faham, bolehlah bertanya kepada pengedar soal selidik atau pengkaji. Pengkaji juga telah memberitahu kepada pelajar tujuan kajian ini dijalankan .

### 3.6 Cara Menganalisa Data

Data-data yang diperolehi telah dianalisa dengan menggunakan program “Statistical Package for the Social Sciences ( SPSS PC+)” . Kekerapan dan peratusan digunakan untuk mengenal pasti pandangan pelajar kolej swasta mengenai faktor mendorong mereka terlibat dalam penyalahgunaan ini, jenis bahan yang sering digunakan, hubungan jantina dan kesan tabiat ini terhadap pencapaian pelajar. Peratusan digunakan untuk mengenalpasti perkara yang pelajar anggap boleh menjadi faktor penyalahgunaan, jenis bahan, hubungan jantina dan kesan pencapaian akademiknya.